

# Impian diami rumah selesa terkabul

**Tangkak:** "Alhamdulillah, saya berasa sangat bersyukur dan beruntung kerana mendapat bantuan rumah ini. Bantuan ini membolehkan saya, isteri dan tujuh anak menjalani kehidupan lebih selesa selepas ini," kata Rosli Haran.

Rosli, 49, berkata, dia dan keluarganya berterima kasih kepada Kementerian Industri Utama, Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN), Pertubuhan Kebajikan Ukhwah Muar Johor dan Syarikat Affordable Homes Sdn Bhd kerana membantu membina kediaman selesa untuk keluarganya.

"Ini adalah impian dan harapan saya iaitu memiliki kediaman yang selesa untuk keluarga terutama apabila bakal menimang cahaya mata kelapan dalam tempoh terdekat.

"Saya bersyukur kerana keadilan rumah ini menyebarkan kehidupan kami le-



TERESA (dua dari kanan) menyerahkan kunci rumah bantuan kepada Rosli pada Majlis Penyerahan Rumah Bantuan Harapan di Kampung Tanjung Gading, Tangkak.

bih selesa.

"Berbanding rumah lama yang uzur dan panas, kediaman baharu ini lebih memberi keselesaan kerana bahan binaan *kenaf crete* menyebabkan ruang dalaman rumah lebih sejuk.

"Sebelum ini, rumah saya

amat panas dan keadaannya kurang selesa," katanya yang bekerja sebagai pembalik pulih barangan elektrik.

Dia berkata demikian ketika ditemui selepas majlis Penyerahan Kunci Projek Rumah Bantuan (Kos Rendah) Menggunakan *Kenaf*

*crete* di Jalan Parit Penghulu Ibrahim, Tanjung Gading, semalam.

Hadir sama Menteri Industri Utama Teresa Kok, Ahli Parlimen Ledang Syed Ibrahim Syed Noh dan Ketua Pengarah LKTN Samsuddin Noor.